



**STRUKTUR BAHASA, SENI PENGIMEJAN DAN MAKNA SIMBOLIK
SUFISME DALAM PUISI MELBOURNE KARYA KEMALA: ANALISIS
BERDASARKAN TEORI ‘ABD AL-QĀHIR AL-JURJĀNĪ**

**[LINGUISTIC STRUCTURE, POETIC IMAGERY AND SUFI SYMBOLIC
MEANING IN KEMALA’S MELBOURNE: AN ANALYSIS BASED ON
THE THEORY OF ‘ABD AL-QĀHIR AL-JURJĀNĪ]**

Muzammir Anas^{1*}, Wan Hasmah Wan Teh², Mohamad Luthfi Abdul Rahman², Md.
Salleh Yaapar²

¹Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor,
Pulau Pinang, Malaysia

* Corresponding Author: muzammir@unisza.edu.my

Received: 3/4/2026

Revised: 15/6/2026

Accepted: 9/7/2026

Published: 31/8/2026

Abstrak

Kajian terhadap puisi berorientasikan sufisme memerlukan pendekatan yang tidak hanya menentukan makna simbolik berdasarkan objek atau imejan tertentu tetapi turut meneliti proses kebahasaan yang membentuk makna tersebut. Namun, hubungan antara struktur bahasa, seni pengimejan dan pembentukan makna simbolik sufisme masih memerlukan penelitian secara bersepadu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis hubungan antara struktur bahasa, seni pengimejan dan pembentukan makna simbolik sufisme dalam puisi Melbourne karya Kemala. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tekstual berasaskan teori *al-Naẓm*, teori Puitik Imageri dan konsep *Maʿnā al-Maʿnā* ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī, manakala kerangka sufisme digunakan bagi menentukan kesepadanan makna simbolik yang terbentuk. Dapatan menunjukkan bahawa struktur bahasa, khususnya *al-Khabar*, *al-Afʿāl*, *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb*, mengorganisasikan perkembangan makna yang seterusnya membentuk pengimejan melalui *istiʿārah*, terutama personifikasi dan transformasi makna. Pengimejan tersebut menghasilkan peralihan daripada pengalaman zahir kepada makna kedua yang berkaitan dengan identiti, ketakutan, keteguhan diri, nilai, cinta dan kesedaran batin. Dimensi sufistik pula memperlihatkan kesepadanan dengan *muḥāsabah*, keteguhan jiwa dan pemurnian orientasi nilai. Kajian merumuskan bahawa makna simbolik sufisme terbentuk secara berperingkat melalui hubungan antara organisasi bahasa, seni

pengimejan, *Maʿnā al-Maʿnā* dan konteks keseluruhan puisi, bukan melalui penentuan simbol sufistik secara terasing.

Kata kunci: *al-naẓm, istiʿārah, maʿnā al-maʿnā, Kemala, Melbourne, simbolisme sufistik*

Abstract

The study of Sufi-oriented poetry requires an approach that does not determine symbolic meanings solely on the basis of particular objects or images but also examines the linguistic processes through which such meanings are constructed. However, the relationship between linguistic structure, poetic imagery, and the construction of Sufi symbolic meaning requires further integrated investigation. Accordingly, this study aims to analyse the relationship between linguistic structure, poetic imagery, and the construction of Sufi symbolic meaning in Kemala's poem Melbourne. The study employs a qualitative approach through textual analysis based on ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī's theories of al-Naẓm, Poetics of Imagery, and Maʿnā al-Maʿnā, while a Sufi conceptual framework is employed to determine the correspondence of the symbolic meanings constructed. The findings demonstrate that linguistic structures, particularly al-Khabar, al-Afʿāl, al-Ījāz and al-Itnāb, organise the development of meaning, which subsequently generates imagery through istiʿārah, especially personification and semantic transformation. This imagery facilitates a transition from external experience to secondary meanings associated with identity, fear, inner resilience, values, love, and inner awareness. The Sufi dimension further demonstrates correspondence with muḥāsabah, spiritual resilience, and the refinement of value orientation. The study concludes that Sufi symbolic meaning is progressively constructed through the interrelationship between linguistic organisation, poetic imagery, Maʿnā al-Maʿnā, and the overall context of the poem, rather than through the isolated identification of Sufi symbols.

Keywords: *al-Naẓm, istiʿārah, maʿnā al-maʿnā, Kemala, Melbourne, Sufi symbolism*

Cite as: Anas, M., Wan Teh, W.H., Abdul Rahman, M.L. & Yaapar, M.S. (2026). Struktur bahasa, seni pengimejan dan makna simbolik Sufisme dalam puisi *Melbourne* karya Kemala: Analisis berdasarkan teori ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī [Linguistic structure, poetic imagery and Sufi symbolic meaning in Kemala's *Melbourne*: An analysis based on the theory of ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī]. *Afaq Lughawiyyah*, 4(2), 144-156. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i2.226>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Kemala atau Ahmad Kamal Abdullah merupakan antara penyair Melayu moden yang menampilkan hubungan rapat antara pengalaman kehidupan, renungan terhadap alam dan pencarian makna kerohanian. Pengucapannya sering bergerak daripada pengalaman yang dapat dicerap kepada persoalan yang lebih abstrak tentang diri, nilai, ketuhanan dan keadaan manusia. Kecenderungan tersebut menjadikan puisi Kemala sesuai diteliti bukan sahaja berdasarkan tema tetapi melalui proses bahasa yang membentuk makna. Dalam hal ini, keindahan puisi tidak memadai dijelaskan dengan menyenaraikan simbol atau metafora secara terasing kerana sesuatu imejan memperoleh kekuatan apabila berada dalam hubungan dengan unsur lain dalam struktur keseluruhan puisi.

Sehubungan itu, kajian ini menempatkan teori ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī sebagai kerangka untuk menghubungkan struktur bahasa, seni pengimejan dan pembentukan makna simbolik dalam puisi Kemala. Analisis memberikan perhatian kepada hubungan antara susunan bahasa, pembentukan imejan dan perkembangan makna yang terhasil melalui hubungan antara unsur-unsur tersebut. Oleh yang demikian, tumpuan khusus terhadap puisi Melbourne diperluas melalui penelitian terhadap cara struktur bahasa membentuk imejan puitis, seterusnya menghasilkan makna kedua melalui konsep *Ma‘nā al-Ma‘nā* sebelum makna tersebut ditentukan kesepadannya dengan konsep sufisme.

Puisi Melbourne diterbitkan dalam kumpulan ‘*Ayn* dan memperlihatkan pengalaman penyair di kota Melbourne yang berkembang daripada pemerhatian terhadap fajar, Sungai Yarra, trem, jalan kota, angin dan manusia kepada renungan tentang bahasa, ketakutan, maruah diri, kepercayaan, keyakinan, cinta dan nilai (Kemala, 1983: p.6). Oleh itu, ruang kota dalam puisi ini tidak berfungsi sebagai latar perjalanan semata-mata. Kota menjadi ruang yang mempertemukan pengalaman luar dengan proses penilaian terhadap diri. Gerak tersebut dapat dilihat apabila puisi bermula dengan ‘Tabir ajaibmu disingsing fajar’ dan ‘kali Yara / mengalir dengan Makna’ sebelum beralih kepada ‘Kata yang tak pernah pulang / kerana ketakutan’ serta pernyataan ‘Aku adalah kesegalaan / peribadiku’.

Persoalan utama yang timbul ialah bagaimana pengalaman kota tersebut berubah menjadi pengalaman batin dan bagaimana perubahan itu dibentuk oleh bahasa. Jika ‘fajar’, ‘sungai’, ‘Kata’, ‘air’, ‘ubat’ atau ‘cinta’ terus diberikan makna sufistik tanpa meneliti struktur dan konteks, tafsiran mudah menjadi andaian simbolik. Sebaliknya, konsep *Ma‘nā al-Ma‘nā* al-Jurjānī menyediakan mekanisme yang lebih terkawal kerana makna kedua diperoleh melalui makna pertama yang menjadi perantara kepada maksud yang tidak dinyatakan secara langsung (Al-Jurjānī, 2004: p.263; Günaydın, 2008: pp.136-137).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis struktur bahasa yang membentuk pengalaman puitis dalam Melbourne, mengenal pasti seni pengimejan yang terhasil daripada struktur tersebut dan menjelaskan pembentukan makna simbolik sufisme berdasarkan *Ma‘nā al-Ma‘nā* serta konteks keseluruhan puisi. Analisis ini penting untuk memperlihatkan bahawa dimensi sufistik tidak dilekatkan kepada sesuatu diksi secara automatik tetapi dibentuk melalui hubungan yang dapat dijejaki daripada struktur kepada imejan dan seterusnya kepada makna kedua.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis tekstual. Teks utama ialah puisi Melbourne daripada kumpulan ‘*Ayn* karya Kemala (1983: p.6). Pemilihan puisi ini didasarkan pada keutuhan hubungan antara pengalaman geografi dengan persoalan identiti dan batin serta kewujudan imejan yang memungkinkan analisis struktur dan makna dilakukan secara bersepadu.

Analisis dilakukan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama meneliti struktur kebahasaan berdasarkan teori *al-Nazm*, khususnya teknik *al-Khabar*, *al-Af‘āl*, *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang dapat dikenal pasti secara jelas dalam puisi. Prinsip asas *al-Nazm* ialah

makna tidak terletak pada lafaz secara terasing tetapi terbentuk melalui hubungan antara unsur dalam susunan bahasa (Al-Jurjānī, 2004: pp.54-68, 81-83). Dalam adaptasi terhadap bahasa Melayu, kategori tersebut digunakan berdasarkan fungsi retorik dan semantik yang dapat dibuktikan melalui struktur teks.

Peringkat kedua menganalisis seni pengimejan berasaskan teori Puitik Imageri al-Jurjānī, khususnya *isti'ārah* kata kerja yang melibatkan transformasi makna dan personifikasi. Al-Jurjānī menjelaskan bahawa peminjaman kata kerja kepada hubungan yang tidak berlaku menurut pengertian asalnya memungkinkan pembentukan makna baharu, manakala penyandaran tindakan atau keadaan manusia kepada entiti bukan manusia menghasilkan kesan personifikasi (Al-Jurjānī, 1954: pp.48-50). Peringkat ketiga meneliti peralihan daripada makna pertama kepada makna kedua berdasarkan konsep *Ma'na al-Ma'na* (Al-Jurjānī, 2004: p.263). Makna kedua kemudiannya dinilai berdasarkan konteks keseluruhan puisi dan kesepadanan dengan konsep sufisme seperti *muḥāsabah*, *tadhkiyah al-naḥs* dan keteguhan hati.

Kerangka sufisme digunakan sebagai alat pengesahan interpretasi dan bukan sebagai sumber untuk menentukan simbol terlebih dahulu. Pemikiran Al-Ghazzālī digunakan bagi menjelaskan hubungan antara penilaian diri, keadaan hati dan penyucian jiwa (Al-Ghazzālī, 2011: pp.20-25, 245-258), manakala pemikiran Ibn 'Arabī digunakan secara berhati-hati pada hubungan Zahir-batin dan proses pembacaan tanda kepada makna (Ibn 'Arabī, 2004: pp.48-52). Al-Rūmī pula relevan terhadap gerak pencarian dan transformasi batin yang berkembang daripada pengalaman kehidupan kepada pemaknaan yang lebih mendalam (Al-Rūmī, 2004: pp.1-12, 83-90; Chittick, 1983: pp.71-82).

KERANGKA TEORI

Teori al-Naẓm dan Struktur Bahasa

Teori *al-Naẓm* al-Jurjānī meletakkan hubungan antara unsur bahasa sebagai asas kepada pembentukan makna. Keindahan sesuatu ungkapan tidak berpunca daripada kata secara tunggal tetapi daripada cara kata tersebut disusun berdasarkan hubungan makna dan fungsi tatabahasa (Al-Jurjānī, 2004: pp.54-68). Prinsip ini membolehkan puisi Melayu dianalisis dengan memberi perhatian kepada bagaimana pernyataan, kata kerja, kepadatan dan pengembangan struktur mengarahkan pembacaan.

Dalam kajian ini, *al-Khabar* difahami sebagai struktur pernyataan yang membawa makluman, penegasan, teguran atau fungsi lain berdasarkan konteks (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: pp.30-31). *Al-Af'āl* meneliti fungsi kata kerja dalam menggerakkan tindakan dan perubahan makna. *Al-Ījāz* pula merujuk kepada penyampaian makna yang luas melalui struktur yang ringkas dan padat (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: p.33), manakala *al-Iṭnāb* memperluas atau memperincikan makna melalui unsur tambahan yang mempunyai fungsi semantik (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: pp.33-34).

Seni Pengimejan Isti'ārah

Al-Jurjānī melihat *isti'ārah* sebagai proses pemindahan atau peminjaman yang menyebabkan sesuatu lafaz berfungsi dalam hubungan baharu. Dalam *isti'ārah* kata kerja, tindakan yang lazimnya berkaitan dengan sesuatu subjek boleh dipindahkan kepada subjek lain sehingga menghasilkan gambaran yang tidak dapat difahami secara literal semata-mata (Al-Jurjānī, 1954: pp.48-50). Daripada prinsip ini, transformasi makna berlaku apabila kata kerja digunakan melampaui hubungan asalnya, manakala personifikasi berlaku apabila tindakan, kehendak atau keadaan manusia diberikan kepada unsur bukan manusia.

Penerapan teori tersebut terhadap Melbourne penting kerana puisi ini tidak bergantung pada perbandingan eksplisit. Sebaliknya, kekuatan pengimejannya banyak terhasil melalui pergerakan kata kerja dan hubungan antara unsur abstrak dengan konkrit. 'Kata' boleh 'pulang' dan mengalami 'ketakutan', sementara 'kekuatan, kepercayaan dan keyakinan' dapat 'menemukan' aku dengan 'air atau ubat'. Hubungan sebegini memperlihatkan bagaimana pengalaman abstrak memperoleh bentuk yang dapat dibayangkan.

Konsep Ma'nā al-Ma'nā dan Makna Sufistik

Konsep *Ma'nā al-Ma'nā* menjelaskan bahawa pembaca terlebih dahulu memahami suatu makna melalui lafaz sebelum makna tersebut menjadi jalan kepada makna lain yang dikehendaki (Al-Jurjānī, 2004: p.263). Dengan demikian, tafsiran simbolik tidak bermula dengan menetapkan bahawa sesuatu objek mempunyai makna kerohanian tertentu. Sebaliknya, makna kedua perlu muncul daripada hubungan yang dibina oleh makna pertama dan disokong oleh konteks.

Prinsip ini membolehkan simbolisme sufistik dalam Melbourne ditentukan secara lebih terkawal. Fajar, sungai, air dan ubat tidak dianggap sebagai simbol sufistik hanya kerana unsur tersebut mempunyai kemungkinan makna spiritual dalam tradisi tertentu. Nilai kerohaniannya hanya menjadi signifikan apabila berhubung dengan medan semantik puisi seperti 'Makna', 'ketakutan', 'hargadirimu', 'kebulatan diri', 'kekuatan', 'kepercayaan', 'keyakinan', 'cinta', 'fikir', 'menung' dan 'Nilai'. Oleh itu, analisis bergerak daripada struktur bahasa kepada imejan, kemudian kepada makna kedua dan akhirnya kepada kesepadanan sufistik.

TEKS PUISI MELBOURNE

Tabir ajaibmu disingsing fajar
kali Yara
mengalir dengan Makna
Kata yang tak pernah pulang
kerana ketakutan.

Hidup kekasihku, mengenal, menggali dan mencari
dan kau dengan bahasamu
berdiri dengan puisi

nikmat pertamarasa.

Trem berlari di atas relnya
mari menghayun langkah
Di Exhibition St. matari lembut dan puput
Angindingin mengingatmu Cameron Highlands dan Everlasting
si bunga gunung. Bumi Ilahi dan manusianya
Cikcok dan ratrace ini
takkan mungkin menggadaikan hargadirimu.

Aku takkan memberikan nestapaku ini buatmu.
Kebulatan diri yang terkumpul dan menjuakkan
'duka' ke langit. Aku telah dicanai waktu
bersatu dengan peribadiku. Aku takkan minta
belas ihsan sesiapa. Aku adalah kesegalaan
peribadiku. Kekuatan, kepercayaan dan keyakinan
yang menemukan aku dengan air atau ubat yang
kuhirup. Kesegalaan itulah
yang terkumpul dalam cinta.
Selamatlah bangsa manusia, selamatlah tiap
zarah alam dan insan. Bermula fikir dan menung
berangkat dewasa. Kini kugenggam Nilai.

Melbourne - Kuala Lumpur
1973 - 1975

Sumber: Kemala (1983: p.6).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Gerak Makna Keseluruhan Puisi

Melbourne membina pengalaman kota sebagai ruang yang menghubungkan pemerhatian terhadap alam, bahasa dan kehidupan dengan pembentukan keteguhan diri. Bahagian awal memperlihatkan kota melalui fajar dan Sungai Yarra: 'Tabir ajaibmu disingsing fajar / kali Yara / mengalir dengan Makna'. Pengalaman luar ini segera disusuli persoalan bahasa melalui 'Kata yang tak pernah pulang / kerana ketakutan'. Dengan itu, puisi tidak kekal pada deskripsi Melbourne tetapi bergerak kepada masalah ekspresi, keberanian dan makna.

Rangkap berikutnya memperluas gerak tersebut melalui 'mengenal, menggali dan mencari'. Tiga kata kerja ini meletakkan kehidupan sebagai proses pencarian yang berterusan. Kota kemudian hadir melalui 'Trem berlari di atas relnya', 'Exhibition St.' dan 'Angindingin', namun unsur kota tidak menguasai diri penyair. Hal ini ditegaskan melalui 'Cikcok dan ratrace ini / takkan mungkin menggadaikan hargadirimu'. Konflik kota moden dengan maruah diri menjadi titik peralihan daripada pemerhatian luaran kepada penegasan batin.

Bahagian akhir memusatkan perhatian pada 'aku'. Penyair menolak untuk menyerahkan nestapa atau meminta belas ihsan, kemudian menyatakan 'Aku adalah kesegalaan / peribadiku'. Pengalaman waktu melalui 'Aku telah dicanai waktu' membentuk diri yang bersatu dengan kekuatan, kepercayaan dan keyakinan. Penutup 'Bermula fikir dan menung / berangkat dewasa. Kini kugenggam Nilai' memperlihatkan bahawa perjalanan puisi berakhir pada proses pematangan kesedaran. Gerak keseluruhan dapat dirumuskan sebagai pengalaman alam dan kota - pencarian makna - ketakutan bahasa - cabaran kehidupan kota - peneguhan maruah diri - pemulihan batin - pematangan nilai.

Struktur Bahasa: al-Khabar, al-Af'āl, al-Ījāz dan al-It'nāb

Teknik *al-Khabar* menonjol melalui pernyataan 'Aku telah dicanai waktu / bersatu dengan peribadiku', 'Aku adalah kesegalaan / peribadiku' dan 'Kesegalaan itulah / yang terkumpul dalam cinta'. Struktur tersebut membentuk proposisi tentang keadaan diri, bukannya sekadar menyampaikan fakta. Dalam konteks *al-Khabar*, fungsi sesuatu pernyataan ditentukan oleh tujuan dan konteks ujaran (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: pp.30-31). Di sini, pernyataan 'aku' berfungsi menegaskan integriti diri selepas puisi terlebih dahulu memperlihatkan ketakutan, 'cikcok' dan 'rat race'. Oleh itu, *al-Khabar* menjadi mekanisme yang mengubah nada puisi daripada pemerhatian kepada deklarasi keteguhan diri.

Teknik *al-Af'āl* pula membentuk gerakan yang lebih luas melalui 'disingsing', 'mengalir', 'pulang', 'mengenal', 'menggali', 'mencari', 'berdiri', 'berlari', 'menghayun', 'mengingat', 'menggadaikan', 'menjuakkan', 'dicanai', 'menemukan', 'kuhirup', 'terkumpul', 'berangkat' dan 'kugenggam'. Rangkaian kata kerja tersebut memperlihatkan bahawa Melbourne dibina sebagai proses, bukan keadaan yang statik. 'Mengenal, menggali dan mencari' menggerakkan pencarian intelektual, manakala 'dicanai', 'menemukan' dan 'kugenggam' membawa proses itu kepada pembentukan diri dan pemilikan nilai. Dengan demikian, *al-Af'āl* menghubungkan pengalaman kota dengan transformasi batin.

Al-Ījāz dapat dilihat pada ungkapan padat seperti 'mengalir dengan Makna', 'hargadirimu', 'Kebulatan diri', 'dicanai waktu', 'kesegalaan peribadiku' dan 'kugenggam Nilai'. Setiap ungkapan mengandungi gagasan yang lebih luas daripada jumlah kata yang digunakan. 'Dicanai waktu', misalnya, memadatkan proses pengalaman, ujian dan pembentukan diri melalui kata kerja 'dicanai' yang menggambarkan proses pembentukan secara beransur-ansur, manakala 'waktu' menjadi medium berlangsungnya proses tersebut. Begitu juga 'kugenggam Nilai' merumuskan hasil perjalanan puisi melalui tindakan fizikal 'menggenggam' yang diarahkan kepada konsep abstrak 'Nilai'. Kepadatan sebegini selaras dengan fungsi *al-Ījāz* yang menghasilkan keluasan makna melalui struktur yang ringkas (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: p.33).

Sementara itu, *al-It'nāb* paling jelas pada 'Kata yang tak pernah pulang / kerana ketakutan'. Unsur 'kerana ketakutan' memperincikan sebab kepada keadaan 'tak pernah pulang' dan menjadikan ketakutan sebagai faktor yang menahan kata daripada kembali atau terungkap. Perincian sebab-akibat tersebut memperluas

makna kekangan ekspresi dan penderitaan yang tersimpan. Hubungan ini menjadi lebih jelas apabila puisi kemudiannya menyatakan 'Aku takkan memberikan nestapaku ini buatmu' dan 'Aku takkan minta / belas ihsan sesiapa'. Dengan demikian, *al-It̤nāb* mengembangkan keadaan batin yang pada awalnya hadir melalui 'Kata' kepada penegasan sikap penyair terhadap nestapa dan harga diri (Safaruk Z. Chowdhury, 2015: pp.33-34).

Seni Pengimejan: Personifikasi dan Transformasi Makna

Ungkapan 'Kata yang tak pernah pulang kerana ketakutan' memperlihatkan *Isti'ārah* Kata Kerja: Personifikasi. Secara literal, 'kata' ialah unsur bahasa dan tidak mempunyai keupayaan untuk pulang atau mengalami ketakutan. Namun, melalui kata kerja 'pulang' dan keadaan 'ketakutan', 'Kata' dihidupkan sebagai entiti yang memiliki gerak dan pengalaman emosi. Personifikasi ini membolehkan keadaan psikologi yang abstrak divisualisasikan sebagai perjalanan yang terhenti. Pemindahan sifat manusia kepada entiti bukan manusia merupakan salah satu mekanisme *isti'ārah* yang membolehkan makna melampaui hubungan literal (Al-Jurjānī, 1954: pp.48-49).

Kekuatan imejan tersebut terletak pada hubungan antara 'pulang' dengan 'ketakutan'. 'Pulang' secara lazim menunjukkan gerakan kembali kepada tempat asal atau titik yang dikenali. Apabila 'Kata' tidak pernah pulang, teks membentuk keadaan keterputusan. Penjelasan 'kerana ketakutan' pula memberikan sebab psikologi kepada keterputusan tersebut. Oleh itu, imejan tidak sekadar menggambarkan kata yang tidak terucap tetapi menampilkan keadaan apabila ekspresi, pemikiran atau sesuatu yang hendak disampaikan tertahan oleh rasa takut.

Ungkapan 'Aku telah dicanai waktu' pula memperlihatkan *Isti'ārah* Kata Kerja: Transformasi Makna. Kata kerja 'dicanai' lazimnya berkaitan proses mengasah, membentuk atau memperhalus sesuatu benda. Apabila tindakan tersebut disandarkan kepada 'aku' dan pelakunya ialah 'waktu', pengalaman hidup digambarkan sebagai proses yang membentuk keperibadian. Pemindahan kata kerja kepada hubungan yang tidak berlaku menurut pengertian asalnya menghasilkan makna baharu melalui *isti'ārah* (Al-Jurjānī, 1954: pp.48-50). Dalam konteks puisi, waktu tidak hanya berlalu tetapi menjadi daya yang mengubah dan mematangkan diri.

Struktur 'Kekuatan, kepercayaan dan keyakinan / yang menemukan aku dengan air atau ubat yang / kuhirup' turut membentuk transformasi makna. Kata kerja 'menemukan' menghubungkan tiga unsur abstrak - kekuatan, kepercayaan dan keyakinan - dengan 'air' dan 'ubat' yang bersifat konkrit. Air mempunyai fungsi memenuhi keperluan tubuh, manakala ubat berfungsi membantu pemulihan. Oleh itu, penyair mengkonkritkan fungsi kekuatan, kepercayaan dan keyakinan sebagai sesuatu yang memungkinkan diri memperoleh kelegaan dan pemulihan. Hubungan abstrak-konkrit ini menghasilkan gambaran yang lebih dapat dirasai tanpa perlu menyatakan proses batin secara panjang.

Pada penutup, 'Kini kugenggam Nilai' juga memanfaatkan transformasi makna. 'Menggenggam' ialah tindakan fizikal terhadap sesuatu yang mempunyai

bentuk, sedangkan 'Nilai' bersifat abstrak. Penggabungan tindakan fizikal dengan konsep abstrak menampilkan nilai sebagai sesuatu yang telah diperoleh dan dipegang secara sedar. Kedudukannya pada akhir puisi menjadikan imejan ini hasil kepada proses 'fikir dan menung' yang 'berangkat dewasa'. Dengan demikian, seni pengimejan bergerak seiring dengan perkembangan makna keseluruhan teks.

Ma'nā al-Ma'nā: Daripada Pengalaman Zahir kepada Pembentukan Diri

Konsep *Ma'nā al-Ma'nā* paling jelas apabila imejan puisi tidak dapat diselesaikan pada makna pertama. Al-Jurjānī menjelaskan bahawa makna pertama menjadi perantara yang membawa pembaca kepada makna kedua yang dikehendaki (Al-Jurjānī, 2004: p.263). Dalam Melbourne, proses ini dapat dikesan melalui beberapa rangkaian imejan yang saling menyokong, bukannya melalui satu simbol secara terasing.

Pada 'kali Yara / mengalir dengan Makna', makna pertama merujuk kepada sungai yang mengalir. Namun 'Makna' bukan bahan fizikal yang dapat mengalir bersama air. Hubungan tersebut membawa makna kedua bahawa pengalaman melihat dan melalui ruang kota mencetuskan proses pemaknaan. Sungai menjadi sebahagian daripada pengalaman yang menggerakkan renungan, terutama apabila baris berikutnya beralih kepada 'Kata' dan 'ketakutan'. Oleh itu, makna kedua tidak perlu ditetapkan sebagai aliran makrifat secara langsung. Konteks lebih kukuh menyokong pemahaman bahawa alam dan kota menjadi pencetus kepada pencarian makna.

Pada 'Kata yang tak pernah pulang kerana ketakutan', makna pertama yang dibentuk oleh personifikasi ialah kata seolah-olah bergerak tetapi gagal kembali kerana takut. Makna kedua mengarah kepada keadaan ekspresi atau pemikiran yang tertahan oleh ketakutan. Tafsiran ini disokong oleh perkembangan selepasnya apabila puisi menegaskan 'takkan mungkin menggadaikan hargadirimu', 'Aku takkan memberikan nestapaku ini buatmu' dan 'Aku takkan minta belas ihsan sesiapa'. Dengan demikian, ketakutan diletakkan berhadapan dengan proses membina keberanian dan integriti diri.

Pada 'Aku telah dicanai waktu', makna pertama ialah tindakan mencanai sesuatu sehingga berubah bentuk atau sifatnya. Makna kedua ialah pengalaman masa dan kehidupan yang membentuk keperibadian. Peralihan tersebut diperkukuh oleh frasa 'bersatu dengan peribadiku'. Diri yang terbentuk bukan hasil satu pengalaman tunggal tetapi hasil proses yang berlangsung sepanjang waktu. *Ma'nā al-Ma'nā* di sini membawa pembaca daripada tindakan fizikal mencanai kepada proses pematangan psikologi dan batin.

Seterusnya, 'air atau ubat yang kuhirup' membawa fungsi fizikal air dan ubat kepada makna kedua tentang pemulihan. Yang penting, teks sendiri menamakan unsur yang menghasilkan pemulihan tersebut, iaitu 'Kekuatan, kepercayaan dan keyakinan'. Oleh itu, air dan ubat tidak perlu diberikan simbolisme kerohanian secara bebas. Makna keduanya lahir melalui struktur yang menyamakan fungsi kelegaan fizikal dengan fungsi kekuatan dalaman. Kesannya, pembentukan diri dalam puisi bergerak daripada keadaan tertekan kepada kemampuan memulihkan dan meneguhkan diri.

Akhirnya, 'Kini kugenggam Nilai' mengubah konsep nilai kepada sesuatu yang dapat digenggam. Makna kedua yang terhasil ialah pemilikan atau penghayatan nilai secara sedar selepas proses 'fikir dan menung' serta 'berangkat dewasa'. Penempatan ungkapan ini pada akhir puisi dilihat penting kerana ia merumuskan arah keseluruhan perjalanan, iaitu pengalaman luar tidak berakhir sebagai kenangan kota tetapi menghasilkan kesedaran terhadap prinsip yang hendak dipertahankan.

Pembentukan Makna Simbolik Sufisme

Dimensi sufistik Melbourne lebih kukuh apabila dibaca melalui pola *muḥāsabah*, keteguhan jiwa dan pemurnian orientasi nilai berbanding melalui penetapan simbol mistik tertentu. Puisi tidak menyebut *maqām*, *fanā'*, *baqā'* atau *tajallī* secara langsung. Sebaliknya, medan semantiknya dibentuk melalui 'Makna', 'mengenal', 'menggali', 'mencari', 'hargadirimu', 'Kebulatan diri', 'kekuatan', 'kepercayaan', 'keyakinan', 'cinta', 'fikir', 'menung' dan 'Nilai'. Jaringan tersebut menunjukkan proses penilaian terhadap diri dan kehidupan.

Dalam kerangka al-Ghazzālī, hubungan ini mempunyai kesepadanan dengan *muḥāsabah* dan *tadhkiyah al-nafs* kerana perjalanan kerohanian memerlukan penilaian terhadap keadaan hati serta pengawalan kecenderungan yang mengaburkan kebenaran (Al-Ghazzālī, 2011: pp.20-25, 245-258). 'Aku takkan memberikan nestapaku ini buatmu' dan 'Aku takkan minta belas ihsan sesiapa' memperlihatkan peneguhan diri berhadapan penderitaan. Walaupun struktur tersebut tidak dengan sendirinya membuktikan *maqām* tertentu, ia menunjukkan orientasi kepada pembentukan ketahanan batin dan penjagaan maruah diri.

Ungkapan 'Kekuatan, kepercayaan dan keyakinan' memberikan asas yang lebih jelas kepada pembacaan kerohanian. Ketiga-tiganya muncul selepas 'Aku telah dicanai waktu' dan 'bersatu dengan peribadiku', lalu berfungsi sebagai unsur yang memulihkan diri seperti 'air atau ubat'. Dalam konteks ini, dimensi sufistik terletak pada proses pembinaan keadaan batin yang tidak tunduk kepada 'cikcok' dan 'rat race' kota. Dunia luar tidak dinafikan tetapi dinilai berdasarkan kemampuan diri mempertahankan harga dan nilai.

Perspektif Ibn ʿArabī membantu menjelaskan pergerakan daripada bentuk zahir kepada pemaknaan batin tanpa perlu menganggap setiap unsur alam sebagai simbol metafizik. Fajar, Sungai Yarra, trem, jalan dan angin ialah pengalaman zahir yang menjadi tanda kepada proses renungan apabila digandingkan dengan 'Makna', 'fikir' dan 'menung'. Hubungan tersebut menunjukkan bahawa pengalaman fizikal memperoleh kedalaman apabila dibaca melalui keadaan kesedaran manusia (Ibn ʿArabī, 2004: pp.48-52). Namun, puisi tidak memberikan bukti yang cukup untuk menjadikan pengalaman tersebut sebagai *tajallī* dalam pengertian teknikal.

Pemikiran al-Rūmī pula mempunyai kesepadanan pada struktur pencarian. Frasa 'mengenal, menggali dan mencari' membentuk gerak daripada pengetahuan awal kepada usaha yang lebih mendalam. Al-Rūmī berpandangan bahawa perjalanan dan pencarian sering menjadi mekanisme transformasi daripada pengalaman zahir kepada pemahaman batin yang lebih mendalam (Al-Rūmī, 2004: pp.1-12, 83-90; Chittick, 1983: pp.71-82). Dalam Melbourne, gerak tersebut tidak berakhir pada

penyatuan mistik tetapi pada 'Kini kugenggam Nilai'. Oleh itu, transformasi yang dapat dipertahankan secara tekstual ialah pematangan kesedaran dan pengukuhan orientasi nilai.

Cinta turut hadir melalui 'Kesegalaan itulah / yang terkumpul dalam cinta'. Namun, konteks puisi tidak mencukupi untuk menentukan 'cinta' sebagai *maḥabbah Ilahiyyah* secara khusus. Yang lebih kukuh ialah memahami cinta sebagai ruang yang menyatukan kekuatan, kepercayaan, keyakinan dan keseluruhan peribadi. Pembacaan ini mengekalkan kemungkinan dimensi kerohanian tanpa melampaui bukti yang disediakan teks.

Berdasarkan hubungan tersebut, pola simbolisme sufisme Melbourne dapat dirumuskan sebagai pengalaman zahir - pencarian makna - kesedaran terhadap ketakutan - penolakan terhadap kehilangan harga diri - pembentukan keteguhan batin - pemulihan melalui kepercayaan dan keyakinan - pematangan fikiran - penghayatan nilai. Pola ini menunjukkan bahawa pengalaman kerohanian dalam puisi dibentuk melalui proses transformasi diri dan bukannya melalui simbol yang diberikan makna sufistik secara automatik.

Hubungan Struktur Bahasa, Seni Pengimejan dan Makna Simbolik

Analisis Melbourne menunjukkan bahawa struktur bahasa, seni pengimejan dan *Ma'nā al-Ma'nā* membentuk hubungan yang berurutan tetapi saling bergantung. Pada ungkapan 'Kata yang tak pernah pulang kerana ketakutan', *al-Itnāb* memperincikan sebab kepada ketidakpulangan 'Kata'; Personifikasi menghidupkan 'Kata' sebagai entiti yang dapat pulang dan takut; *Ma'nā al-Ma'nā* mengalihkan gambaran tersebut kepada kekangan ekspresi atau pemikiran akibat ketakutan; dan konteks keseluruhan puisi menghubungkannya dengan proses mengatasi tekanan serta mempertahankan integriti diri.

Hubungan yang sama berlaku pada 'Aku telah dicanai waktu'. *Al-Af'āl* menonjolkan proses melalui kata kerja 'dicanai'; Transformasi Makna memindahkan tindakan mencanai daripada objek fizikal kepada pembentukan manusia; *Ma'nā al-Ma'nā* menghasilkan makna kedua tentang pengalaman yang mematangkan keperibadian; dan medan 'kekuatan, kepercayaan dan keyakinan' memberikan orientasi batin kepada perubahan tersebut. Dengan demikian, makna kerohanian tidak hadir sebelum struktur tetapi berkembang daripada struktur.

Pada 'Kini kugenggam Nilai', *al-Ījāz* memadatkan hasil perjalanan puisi ke dalam satu struktur ringkas, manakala transformasi makna menjadikan 'Nilai' seolah-olah objek yang dapat digenggam. Makna kedua yang terhasil ialah penghayatan dan pemilikan prinsip secara sedar. Kedudukannya selepas 'fikir dan menung / berangkat dewasa' mengesahkan bahawa 'Nilai' merupakan hasil proses refleksi dan pematangan. Pada tahap sufistik, hubungan ini mempunyai kesepadanan dengan muḥāsabah dan pemurnian orientasi diri.

Oleh itu, model hubungan yang terhasil daripada Melbourne ialah struktur *al-Naẓm* - seni pengimejan *isti'ārah* - makna literal - *Ma'nā al-Ma'nā* - konteks keseluruhan puisi - kesepadanan dengan konsep sufisme. Susunan ini mengelakkan analisis

daripada menjadikan 'fajar', 'sungai', 'air', 'ubat' atau 'cinta' sebagai simbol sufistik secara tersendiri. Sebaliknya, nilai simboliknya hanya ditentukan selepas hubungan semantik dan konteks memberikan asas yang mencukupi.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa Melbourne membina pengalaman kota melalui hubungan yang rapat antara struktur bahasa, seni pengimejan dan perkembangan makna simbolik. Pengalaman terhadap fajar, Sungai Yara, trem, jalan dan angin menjadi permulaan kepada renungan tentang bahasa, ketakutan, maruah diri, kekuatan, kepercayaan, keyakinan, cinta dan nilai. Dengan demikian, Melbourne tidak sekadar merakam perjalanan geografi tetapi memperlihatkan bagaimana pengalaman luar menjadi bahan kepada pembentukan kesedaran diri.

Dari aspek struktur kebahasaan, *al-Khabar* membina penegasan terhadap identiti dan keadaan diri, *al-Af'āl* menggerakkan proses pencarian dan transformasi, *al-Ījāz* memadatkan gagasan luas melalui ungkapan ringkas, manakala *al-It'nāb* memperincikan sebab dan keadaan batin. Kesemua teknik tersebut berfungsi berdasarkan hubungan dalam konteks puisi dan tidak perlu dipaksakan kepada setiap baris.

Dari aspek seni pengimejan, *isti'ārah* merupakan mekanisme penting yang menghubungkan pengalaman abstrak dengan gambaran yang dapat dicerap. Personifikasi dalam 'Kata yang tak pernah pulang kerana ketakutan' mengkonkritkan kekangan ekspresi, manakala transformasi makna dalam 'dicanai waktu', 'air atau ubat' dan 'kugenggam Nilai' membentuk gambaran tentang pematangan, pemulihan dan penghayatan prinsip. Melalui *Ma'nā al-Ma'nā*, imejan tersebut bergerak daripada makna pertama kepada makna kedua secara kontekstual (Al-Jurjānī, 2004: p.263).

Dimensi sufistik yang paling dapat dipertahankan dalam Melbourne ialah muḥāsabah, keteguhan batin, pencarian makna dan pemurnian orientasi nilai. Pembacaan ini tidak memerlukan setiap unsur alam ditetapkan sebagai simbol mistik. Sebaliknya, kesepadanan sufistik lahir apabila pengalaman zahir berhubung dengan medan pencarian, kepercayaan, keyakinan, renungan dan nilai. Dapatan tersebut memperlihatkan bahawa makna simbolik sufisme dalam puisi Kemala terbentuk melalui organisasi bahasa dan konteks sebelum dipadankan dengan kerangka kerohanian.

Kesimpulannya, Melbourne memperlihatkan bahawa bahasa puitis Kemala berfungsi sebagai proses pembentukan makna. Struktur bahasa mengarahkan hubungan antara unsur, *isti'ārah* memberikan bentuk kepada pengalaman abstrak dan *Ma'nā al-Ma'nā* menjelaskan peralihan kepada makna kedua. Melalui hubungan inilah pengalaman kota berkembang menjadi renungan tentang diri dan nilai. Pendekatan berlapis ini menawarkan kaedah yang lebih berhati-hati untuk meneliti simbolisme sufistik dalam puisi Melayu moden kerana tafsiran kerohanian ditentukan berdasarkan bukti struktur dan konteks, bukan melalui andaian terhadap simbol secara terasing.

CONFLICTS OF INTEREST: The author declares no conflict of interest.

ETHICS STATEMENT: This research is based on textual analysis and did not involve human participants or animals. The study complied with institutional and international ethical guidelines; therefore, no formal ethical approval was required.

REFERENCES

- Abu Deeb, K. (1979). *al-Jurjānī's theory of poetic imagery*. Aris and Phillips.
- Chittick, W. C. (1983). *The Sufi path of love: The spiritual teachings of Rumi*. State University of New York Press.
- Chowdhury, S. Z. (2013). *Introducing Arabic rhetoric*. Dār al-Nicosia Publishing House.
- Günaydın, M. (2008). The idea of "multiple meanings" in al-Jurjānī's theory of composition. *İstanbul Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 17, 127-143. <https://makale.isam.org.tr/handle/123456789/204186>
- al-Ghazzālī, A. Ḥ. (2011). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn* (Vol. 3). Dār al-Tawfiqiyah.
- Ibn 'Arabī, M. al-D. (2004). *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*. Dār Şādir.
- Kemala [A. K. Abdullah]. (1983). *Ayn: Kemala*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemala [A. K. Abdullah]. (2010). *Simbolisme dalam puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Jurjānī, 'A. al-Q. (1954). *Asrār al-balāghah* (H. Ritter, Ed.). Maṭba'ah Wizārah al-Ma'ārif.
- al-Jurjānī, 'A. al-Q. (2004). *Dalā'il al-i'jāz* (M. M. Shākir, Ed.). Maktabah al-Khānjī.
- al-Rūmī, J. al-D. (2004). *The Masnavi: Book one* (J. Mojaddedi, Trans.). Oxford University Press.